

07/09/2003

Teruskan Sains, Matematik dalam bahasa Inggeris: Dr M

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah perlu diteruskan kerana kaedah itu terbukti berjaya meningkatkan kapasiti seseorang pelajar menerap ilmu pengetahuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan lebih ramai individu yang dapat mendalami Sains dan Matematik bagi tujuan membangunkan bidang Teknologi Maklumat (IT) terutama untuk memajukan lagi Koridor Raya Multimedia (MSC).

"IT adalah bidang yang berasaskan kepada pengetahuan sains terutama dalam keupayaan bagi pelaksanaan sesuatu perisian (yang direka cipta).

"Jadi, saya rasa secara semula jadi, jika kita terus menterjemah, berfikir dalam dua bahasa, maka kita akan dapati kemampuan kita untuk menyerap ilmu kurang sedikit," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kajian Kementerian Pendidikan yang mendapati, pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sains dan Matematik peringkat sekolah yang diajar dalam bahasa Inggeris, melonjak sejak dasar baru itu diperkenalkan awal tahun ini.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dipetik sebagai berkata, kajian kementerian itu menggunakan sampel 250 buah sekolah baru-baru ini dan mendapati pembelajarannya berjalan lancar dengan prestasi dalam ujian peringkat sekolah amat menggalakkan.

Dr Mahathir berkata, mempelajari kedua-dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris juga mengurangkan banyak kekeliruan, sambil memberikan contoh perkataan Inggeris 'potassium' yang diterjemah 'kalium' dalam Bahasa Malaysia.

"Apa yang kita mahu ialah untuk menyerap ilmu pengetahuan tetapi jika kita terus perlu menterjemah maklumat, maka proses itu menjadi lambat. Jadi saya tidak terkejut langsung yang pencapaian mereka lebih baik sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu setiap rakyat mempunyai pengetahuan Sains dan Matematik kerana menganggap jika ingin menjadi seorang artis sekali pun, ada ketikanya mereka memerlukan sesuatu mengenai bagaimana untuk menggunakan komputer.

"Kita memerlukan lebih ramai orang yang fasih dalam Sains dan Matematik untuk mendalami bidang IT.

"Justeru, kerajaan mahu semua rakyat dapat memperoleh pengetahuan dalam Sains dan Matematik kerana ia penting bagi komuniti yang mahu bergerak maju," katanya.

Mengenai pertemuan empat mata dengan anggota panel MSC, Dr Mahathir berkata, ia amat berguna kerana pelbagai idea ditimbulkan untuk memajukan lagi projek MSC yang membabitkan pembangunan pusat seluas 750 kilometer persegi itu bagi produk dan perkhidmatan multimedia.

"Ada yang mencadangkan supaya diadakan universiti khusus untuk teknologi maklumat, latihan kepemimpinan dan kemungkinan ada kerjasama secara langsung dengan syarikat tertentu," katanya.

Antara mereka yang mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc Bob Bishop, Pengarah Urusan Cutler&Company Dr Terry Cutler, Ketua Pegawai Teknikal Microsoft Craig Mundie dan Ketua Penyelidik dan Pengarah Sains Sun Microsystems Dr John Gage.

Mereka berada di sini bagi menghadiri mesyuarat ke tujuh panel penasihat MSC yang baru berakhir kelmarin.